

Hati-hati jika buat haji badal - Mufti

SINAR HARIAN 23/5/2023 A13.12

Haji badal mempunyai syarat sah, bukan boleh dilakukan sewenang-wenangnya

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI GEORGETOWN

Mereka yang berniat untuk mengupah orang lain untuk mengerjakan ibadah haji atau haji badal perlu berhati-hati agar tidak menjadi mangsa penipuan pihak yang tidak bertanggungjawab.

Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor berkata, haji badal mempunyai syarat-syarat sah dan tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya.

Menurutnya, perlu diketahui bahawa seorang Muslim hanya dibenarkan mengerjakan haji badal untuk seorang sahaja, tidak boleh melakukannya lebih daripada seorang.

"Begitu juga seorang Muslim yang fakir atau miskin, tidak sah mewakilkan orang lain melaksanakan rukun ini bagi dirinya kerana kewajipan haji dikira gugur daripada seorang yang tidak berkemampuan dari sudut kewangan.

"Oleh itu, saya menasihatkan kepada mereka yang berniat hendak membuat haji badal untuk ibu bapa atau ahli keluarga yang uzur atau telah meninggal dunia supaya berhati-hati agar tidak menjadi mangsa individu atau pihak tidak bertanggungjawab yang mengambil kesempatan dalam bab haji badal ini," katanya ketika dihubungi pada Isnin.



WAN SALIM

Kata beliau lagi, seorang Muslim yang telah menunaikan rukun haji bagi dirinya sendiri adalah diharuskan (sama ada dengan upah atau sukarela) untuk mengerjakan fardu haji bagi seorang Muslim yang lain.

"Melakukan badal haji bagi mengantikan seorang Muslim yang lain adalah diharuskan di dalam syariat jika sekiranya seseorang itu terhalang untuk mengerjakan haji sendiri dengan halangan-halangan yang kekal seperti usia yang lanjut (tua), sakit yang tiada harapan kesembuhannya atau telah meninggal dunia.

"Bagaimanapun halangan yang bersifat sementara seperti sakit yang diharapkan kesembuhannya, tiada keamanan dalam perjalanan atau seumpamanya, maka tidak sah haji yang diwakilkan kepada orang lain," katanya.

Tiada halangan jual barang kemas untuk tunai haji

KOTA BHARU - Islam tidak melarang jika ada umatnya yang menjual barang hak milik mereka untuk menunaikan haji di Makkah.

Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad berkata, syarat menunaikan haji ialah berkemampuan iaitu termasuk kewangan, kesihatan, keselamatan dan ada muhrim.

"Tiada masalah jika pasangan itu masih boleh berbelanja selepas kepulangan mereka menunaikan haji dan ada anak-anak membantu," katanya.

Beliau menjelaskan demikian ketika ditanya mengenai usaha seorang warga emas berusia 63 tahun menjual barang kemas bagi memenuhi

impian menunaikan haji bersama suaminya tahun ini.

Sakinah Majid membuat keputusan menjual loket dan rantai tangan antik berusia 37 tahun pada harga RM160,000 supaya dapat menunaikan haji melalui pakej yang ditawarkan syarikat swasta bernilai RM50,000 setiap seorang.

Sakinah mendakwa sebelum ini sudah dua kali memohon rayuan menunaikan haji di Lembaga Tabung Haji namun gagal.

Mohamad Shukri memberitahu, warga emas itu bebas menguruskan harta dan menjual emas miliknya kerana dalam keadaan sihat dan berfikiran waras.

"Walaupun usianya sudah 63 tahun tetapi dia masih boleh berurusan dalam jual beli emas.

"Bagaimanapun andai kata pihak Arab Saudi tidak membenarkan usia berkenaan menuaikan haji, itu kita panggil hilang syarat kemampuan," katanya.

Nekad jual barang kemas untuk tunai haji



Laporan Sinar Harian pada Isnin.